

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001**

FEBRUARI/MAC 2001

RQK 354 – AMALAN PROFESIONAL UKUR BAHAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan **ini** mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum **anda** memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

1. a) Akta Juruukur Bahan 1967 serta Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan (Pindaan) 1995, **K**lausa 22 menyebut:

“Kaedah-Kaedah itu adalah dipinda dengan menggantikan kaedah 30 dengan kaedah yang berikut:

30. Seorang Juruukur Bahan berdaftar tidaklah boleh –

- a) merayu atau mensolisi pekerjaan profesional;
- b) **m**emberi atau menawarkan **s**araan atau lain-lain balasan **b**agi memperkenalkan pekerjaan profesionalnya; atau
- c) mengiklan berhubungan dengan profesionalnya dengan **a**pa-apa cara atau bentuk yang tidak ditentukan oleh Lembaga melainkan jika kebenaran bertulis terdahulu daripada Lembaga telah didapati.”

Bincangkan.

- b) “Penghayatan ‘Canon of Ethics’ untuk sesebuah profesion itu adalah **a**sas utama **b**agi penerampilan mutu perkhidmatan yang unggul”.

Bincangkan serta berikan sekurang-kurangnya **tiga** contoh utama pernyataan ‘canon’ yang melibatkan pihak klien, orang awam dan **a**lam persekitaran.

(20 MARKAH)

2. a) Jelaskan **tentang** strategi-strategi utama yang boleh diketengahkan untuk membolehkan sesebuah firma **Juruukur Bahan** berdaya saing dengan lebih **mantap** dan berkesan.
- b) Bincangkan dengan menggunakan gambarajah yang relevan, bentuk struktur sesuatu firma **Ukur Bahan** yang telah berkeputusan untuk menggunakan komputer secara menyeluruh sambil mengurangkan tenaga pekerja.
- c) Nyatakan dengan panduan gambarajah, aktiviti-aktiviti khusus perunding **Ukur Bahan** didalam proses rekabentuk dan pembinaan untuk suatu projek Petrokimia.

(20MARKAH)

3. a) “Kepentingan senarai bahan (Bills of Quantities) sebagai suatu dokumen pengurusan kewangan tidak dipertikaikan; walaubagaimanapun penyediaan senarai bahan dijangka tidak memainkan peranan utama didalam pemberian perkhidmatan profesional untuk seorang **Juruukur Bahan** pada masa yang akan datang”.

Bincangkan ungkapan di **atas** dan jelaskan **tentang** aktiviti-aktiviti alternatif yang besar kemungkinan dipelawa oleh seorang **Juruukur Bahan**.

- b) Jelaskan **tentang** fungsi, tujuan, peranan dan keistimewaan **BQ** sebagai dokumen kawalan kos.
- c) Sediakan suatu format kandungan **BQ** yang lengkap.

(20 MARKAH)

4. a) Jelaskan **tentang** prosedur yang lengkap bersabit dengan proses pemanggilan, penerimaan serta laporan tender yang melibatkan pembinaan sebuah depot senjata yang bernilai **RM25 juta**. Pihak **Mien** mengarahkan supaya senarai kontraktor terpilih daripada pihak Kementerian Kewangan dan tender dipanggil berpandukan **BQ**.
- b) Nyatakan dan huraikan tentang kriteria-kriteria utama yang harus dipertimbangkan untuk suatu proses “**Pra-Kelayakan**” dan beri komen **anda samada cara ini** lebih memunafaatkan projek seperti **tersebut** di dalam 4(a).

(20MARKAH)

5. a) “**Banyak** para perunding berpendapat seorang Juruukur Bahan Kontraktor tidak mempunyai nilai etika setinggi mereka yang terlibat didalam perundingan profesional”.

Bincangkan ungkapan di atas, jelaskan **juga tentang** peranan-peranan yang dimainkan oleh seorang Juruukur Bahan Kontraktor didalam organisasinya.

- b) Bincangkan kaitan terhadap penyediaan ‘Variation Orders’ (Arahan Perubahan Kerja) dan ‘Final Account’ (Akaun Muktamad); sediakan format untuk suatu V.O. yang lengkap.

(20MARKAH)

6. a) Bincangkan **tentang** mustahaknya diwujudkan identiti korporat, “brand values” dan logo untuk sesuatu firma profesional.
- b) Huraikan “brand values” yang dikemukakan oleh RICS dan keberkesanannya untuk reputasi institusi tersebut.
- c) Secara ringkas, huraikan **tentang** konsep “Pre-Tender Estimate”.

(20MARKAH)

• 00000000 -